

20/09/1997

Mengelak Darurat Jerebu diperluas

SEMALAM, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengisytiharkan keadaan Darurat Jerebu bagi seluruh Sarawak. Inilah pertama kali dalam sejarah negara, pengisytiharan darurat berkaitan alam sekitar dibuat. Keputusan itu diambil apabila Indeks Pencemaran Udara (API) di negeri itu mencecah 600, jauh melebihi paras berbahaya 301 hingga 500. Kita faham, keputusan ini bukanlah suatu yang mudah dilakukan kerana perintah darurat mempunyai kesan yang besar bukan saja ke atas kehidupan rakyat, malah ekonomi dan pembangunan negara. Justru kita berharap keadaan jerebu di seluruh negara dapat diatasi segera kerana kita tidak mahu keadaan darurat ini diperluaskan pula ke beberapa negeri lain.

Pada masa yang sama, kita juga berharap rakyat tidak keliru dengan keputusan ini sehingga menimbulkan kebimbangan yang tidak perlu. Seperti kata Dr Mahathir selaku Pengarah Gerakan Negara, pengisytiharan Darurat Jerebu tidak membabitkan penguatkuasaan Perintah Berkurung dan perubahan dalam corak serta sistem pemerintahan kerajaan negeri. Pengisytiharan itu cuma memberi kuasa Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri mengarah penutupan semua pejabat kerajaan dan swasta, kecuali perkhidmatan perlu seperti hospital dan kedai bekalan makanan. Semua sekolah juga ditutup manakala operasi kilang, ladang, kerja pembinaan dan kuari diberhentikan. Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera pula diarah mengatur dan mengambil langkah perlu bagi menjamin ketenteraman keamanan dan keselamatan di Sarawak. Dalam hal ini, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, menjelaskan Darurat Jerebu diisytiharkan demi menjaga kesihatan rakyat di kawasan terbabit dan untuk mengelak kemalangan akibat jerebu.

Kita akui ramai rakyat cemas dengan keadaan yang berlaku hari ini. Walaupun cuaca berjerebu pernah dihadapi sebelum ini, tetapi apa yang terjadi sekarang dikatakan yang paling buruk dan tempohnya pula agak panjang. Seluruh negara diselubungi jerebu sejak dua bulan lalu akibat kebakaran ratusan ribu hektar hutan yang tidak terkawal di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia, yang sedang menghadapi kemarau panjang. Keadaan bertambah buruk sejak hujung minggu lalu dengan catatan IPU di beberapa negeri, terutama Sarawak, Kuala Lumpur dan Nilai di Negeri Sembilan menjangkau paras berbahaya 301-500. Paras IPU di Sarawak malam kelmarin, pula melebihi 400 dan keadaan bertambah buruk pagi semalam apabila paras IPU mencatat 625 pada 9 pagi dan 635 sejam kemudian, lima kali ganda catatan 136 pagi kelmarin.

Daripada perkembangan ini, timbul persoalan apakah perintah darurat dapat mengatasi atau setidak-tidaknya mengurangkan bahaya jerebu? Kita harus faham darurat bukanlah jalan terakhir bagi menyelesaikan masalah jerebu. Darurat juga bukanlah 'tiket' yang membolehkan polis dan tentera menembak orang yang melakukan pembakaran terbuka atau melakukan perbuatan yang boleh memburukkan keadaan jerebu, seperti melepaskan asap kenderaan atau kilang. Begitu juga mengurung orang ramai dalam rumah tidak akan menyelesaikan masalah itu.

Pada kita, apa yang penting ialah mematuhi setiap arahan. Jika kita tidak perlu bersiar-siar di tempat terbuka, ia patutlah dielakkan. Apabila perlu meninggalkan rumah, orang ramai perlulah memakai penutup hidung untuk mengelakkan kesan jerebu. Sektor swasta terutama pengusaha kilang, kuari dan pembinaan juga haruslah mematuhi arahan pihak berkuasa supaya menutup operasi masing-masing. Bagi pihak berkuasa pula, kita berharap

garis panduan yang dikeluarkan hendaklah juga dipatuhi bagi melicinkan dan memudahkan lagi sebarang tindakan.

Dari apa yang berlaku, kita juga berharap semua pihak akan menjadikannya iktibar dan pengajaran bagi mengelak keadaan yang sama berulang pada masa depan. Masanya juga sudah tiba bagi kerajaan bersikap lebih tegas dalam melaksana serta menguatkuasakan peraturan berkaitan alam sekitar, bukan hanya bertindak apabila keadaan sudah menjadi buruk. Bak kata pepatah `sudah terhantuk baru tergadah'. Tindakan di peringkat serantau pula haruslah diperhebatkan kerana apa pun usaha yang kita lakukan dalam negara, seperti mengadakan pembenihan awan, ia tidak akan menyelesaikan jerebu selagi punca utamanya, iaitu kebakaran di Indonesia, masih tidak dapat diatasi.

(END)